

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3

### Inflasi tahun ini kekal tinggi

# Inflasi tahun ini kekal tinggi

**Kuala Lumpur:** Inflasi keseluruhan dan inflasi teras dijangka menjadi sederhana, tetapi kekal tinggi pada 2023 dalam keadaan tekanan kos dan permintaan yang berlarutan.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus, berkata dalam jangka masa terdekat, inflasi teras dijangka kekal tinggi, sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas yang rendah pada separuh pertama 2022.

Beliau bagaimanapun berkata, kawalan harga dan subsidi bahan api sedia ada serta lebihan kapasiti dalam ekonomi yang masih ada akan terus membendung sebahagian daripada tahap tekanan inflasi yang meningkat.

“Prospek inflasi kekal sangat

bergantung pada sebarang perubahan dasar dalam negeri serta perkembangan harga komoditi global,” katanya pada sidang media mengumumkan prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku keempat dan prestasi tahun penuh 2022, di sini semalam.

Nor Shamsiah berkata, pada suku keempat 2022, inflasi keseluruhan adalah sederhana kepada 3.9 peratus berbanding 4.5 peratus pada suku sebelumnya.

Beliau berkata, penurunan yang sederhana ini sebahagian besarnya disebabkan oleh lalutnya kesan asas inflasi elektrik iaitu penyumbang utama kepada inflasi yang lebih tinggi pada suku ketiga 2021.

Katanya, trend penurunan dalam harga komoditi utama global

sebahagiannya menyebabkan inflasi lebih rendah dalam beberapa barang Indeks Harga Pengguna (IHP), termasuk bahan api.

“Inflasi beberapa bahan makanan ruji utama, seperti daging segar dan telur juga menjadi sederhana pada suku berkenaan.

“Walaubagaimanapun, kesan penurunan daripada faktor ini sebahagiannya diimbangi inflasi teras yang lebih tinggi,” katanya.

Inflasi teras meningkat kepada 4.2 peratus pada suku keempat 2022, didorong permintaan yang terus kukuh dalam keadaan persekitaran kos yang masih tinggi.

Bagi keseluruhan 2022, inflasi keseluruhan meningkat kepada 3.3 peratus berbanding 2.5 peratus pada 2021 dan purata inflasi teras lebih tinggi pada 3.0 peratus berbanding 0.7 peratus pada 2021.